

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah rumah Program Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) yang telah dibina atau dibaiki di kawasan Parlimen Lanang sejak PPRT diperkenalkan sehingga sekarang dan berapa kos yang terlibat. Berapakah lagi yang dalam perancangan dan apakah kriteria untuk mendapatkan rumah berkenaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Program bantuan rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar telah dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 90an lagi melalui pelbagai pendekatan dan program. Oleh yang demikian, rekod bilangan penerima bantuan disimpan dalam pelbagai format mengikut program masing-masing. Oleh kerana tiada bank data yang bersepadu yang menyelaraskan maklumat bantuan ini, Kementerian tidak dapat menyediakan data penerima yang tepat untuk Parlimen Lanang. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod di Kementerian, untuk tempoh 2009-2019, jumlah rumah PPRT yang telah dibina di kawasan Parlimen Lanang adalah sebanyak 431 unit melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM10.415 juta.

2. Bagi tahun 2020, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM630,000.00 untuk kawasan Parlimen Lanang yang melibatkan sebanyak 8 unit Bina Baharu dan 10 unit Baik Pulih. Untuk makluman

NO. SOALAN : 53

juga, jumlah peruntukan dan kuota rumah untuk penerima bantuan juga akan diselaraskan oleh Kementerian dari masa ke semasa tertakluk kepada keperluan dan prestasi pelaksanaan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, Program Perumahan Rakyat Termiskin yang dilaksanakan di bawah Kementerian melibatkan dua (2) skop utama iaitu pembinaan rumah baharu dan juga membaik pulih rumah yang usang, daif dan tidak selamat untuk diduduki.

4. Kriteria kelayakan penerima bantuan adalah seperti yang digariskan dalam tatacara pelaksanaan PPRT iaitu disahkan sebagai miskin tegar atau miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang berkuat kuasa serta mempunyai pemilikan penuh tapak rumah atau mendapat kebenaran bagi kes menumpang tanah milik orang lain/ tanah milik sebahagian.